

# Seni tiada kaitan dengan aspek keagamaan: TPM

**Putrajaya:** Khat dan tulisan Jawi adalah seni yang tidak mempunyai kaitan dengan aspek keagamaan, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri mengambil maklum keresahan sesetengah pihak terutama masyarakat Tionghua berhubung keputusan kerajaan memperkenalkan seni khat dan tulisan Jawi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat menjelang tahun depan.

“Memang saya ambil maklum dan akan bincang secara mendalam dengan Perdana Menteri (Tun Dr Mahathir Mohamad) walaupun beliau sudah mengeluarkan kenyataan.

“Kita ambil maklum keresahan masyarakat Tionghua dalam isu ini tetapi ini (khat dan tulisan Jawi) adalah seni, bukan agama,”

katanya pada sidang media selepas melancarkan Pertandingan Video Kreatif 'Hentikan!Stop It!' dan Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual di sini, semalam.

Baru-baru ini, Dr Mahathir berkata keputusan kerajaan untuk memperkenalkan seni khat dan tulisan Jawi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat adalah kekal.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak pernah menghalang kaum lain mengamalkan penulisan bahasa ibunda masing-masing, yang menjadikan negara ini istimewa.

Sebelum ini, beberapa pemimpin akar umbi DAP termasuk sebahagian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) parti itu membantah pelaksanaan seni khat dan tulisan Jawi sebagai sebahagian subjek bahasa Melayu Tahun Em-

pat di sekolah jenis kebangsaan.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mujahid Yusof Rawa, berkata tulisan jawi tidak seharusnya dilihat dari perspektif sempit atau dijadikan isu kerana ia adalah sebahagian daripada seni warisan sejarah negara yang perlu dipelihara untuk generasi akan datang.

“Sekiranya ia (tulisan jawi) dilihat dari perspektif lebih besar iaitu sebagai satu warisan, di mana generasi akan datang belajar dan mengetahui mengenai seni kaligrafi atau tulisan khat, sebagai penghargaan meneruskan legasi jawi yang hebat.

“Malah, ia juga sebagai teras komunikasi kita dengan dunia. Jika generasi akan datang tidak mengenali jawi, bayangkan kita sudah hilang satu warisan besar,”

katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian Pameran Raja Kita di Muzium Diraja di Kuala Lumpur semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng, yang membantah cadangan kerajaan itu.

Mujahid berkata, usaha kerajaan memperkenalkan semula seni khat dalam mata pelajaran yang dinilai dalam peperiksaan bukan sekadar meningkatkan kesedaran generasi muda mengenai tulisan jawi tetapi juga mengaitkan proses pembelajaran mengenai sejarah.

“Saya tidak faham mengapa tulisan jawi dijadikan isu. Ini kerana mungkin mereka perlu membaca sejarah bertujuan memberi inspirasi Malaysia baharu yang kita dikenali sebagai bangsa Malaysia,” katanya.